

## Bahaya arak dan judi

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Meminum arak dan berjudi merupakan dosa besar yang menjadi penyakit sebahagian daripada masyarakat yang mengingkari perintah Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Permasalahan ini telah pun wujud sejak dahulu lagi sehingga Allah Subhanahu wa-Ta'ala menyatakan perkara ini melalui firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 219:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِنَّهُمَا

أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا

Yang bermaksud: *Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya .*

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud:

مَا أَسْكُرَ كَثِيرُهُ فَقَلِيلُهُ حَرَامٌ

Yang bermaksud: *“Apa yang memabukkan dalam jumlah yang banyak, maka jika sedikit pun hukumnya haram”*.

Judi pada asasnya merupakan pertaruhan untuk mendapatkan keuntungan mudah sedangkan keuntungan tersebut belum pasti diperolehi. Pada masa dahulu kegiatan judi dilakukan dalam bentuk menikam nombor ekor, pertaruhan laga ayam, pertaruhan dalam permainan daun terup dan lain-lain.

Pada masa kini pula bentuk perjudian dilakukan dengan cara baru seperti main tikam, judi kuda, mesin permainan judi, pertaruhan bola sepak, perjudian internet, pertaruhan dalam sesuatu pertandingan dan sebagainya. Di samping itu, wujud juga pusat-pusat perjudian disediakan oleh pengusaha judi tanpa lesen seperti dalam premis perniagaan, di rumah-rumah sewa dan di kawasan-kawasan ladang.

Arak dan judi digandingkan oleh Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam Al quran bagi menggambarkan kedua dua perkara ini mempunyai kesan yang amat buruk kepada masyarakat dan negara sama ada umat Islam ataupun bukan Islam. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Maidah ayat 90:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ

فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Ta'ala*,**

Umat Islam wajib memelihara akal, harta, nyawa, maruah dan keturunan seperti yang dikehendaki dalam maqasid al-syariyyah. Meminum arak akan merosakkan akal fikiran dan menghilangkan kewarasan diri serta menjadikan ia ketagih arak. Seterusnya keadaan ini akan merosakkan institusi kekeluargaan sehingga sanggup bergaduh, mencuri, merogol malahan membunuh akibat pengaruh arak.

Ada pun mereka yang terlibat dengan judi sanggup menghabiskan wang ringgit untuk keperluan keluarga seperti perbelanjaan untuk makan minum, persekolahan anak-anak dan dibebani dengan hutang yang akhirnya boleh menyebabkan ia menjadi muflis. Keharmonian hidup bermasyarakat juga akan menjadi rosak disebabkan kegiatan perjudian seperti berlakunya pergaduhan, dendam mendendam dan tidak menghormati antara satu sama lain yang menyebabkan permusuhan yang berpanjangan sehingga boleh membawa kepada perpecahan masyarakat.

Arak adalah ibu segala kejahatan dan merupakan sebesar-besar dosa. Dalam sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya mengenai arak, lalu baginda menjawab:

هِيَ أَكْبَرُ الْكَبَائِرِ وَأُمُّ الْفَوَاحِشِ،

Yang bermaksud: *Ia adalah sebesar-besar dosa dan ibu kepada segala maksiat.*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,**

Ketahuiilah bahawa meminum arak dan berjudi adalah menyalahi Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 Seksyen 26 dan 27 jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda sehingga lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau sebatan.

Marilah kita berganding bahu membenteras gejala arak dan judi kerana hakikatnya syaitan menghendaki agar manusia itu sentiasa bertelingkah dan bermusuhan sesama mereka akibat daripada arak dan judi. Akhirnya manusia akan jauh daripada mengingati Allah Subhanahu wa-Ta'ala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمْ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصِدَّكُمْ

عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ



Yang bermaksud: *Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.